

17/08/2003

Imej gajah dalam karya Yusof

Hassan Omar

RATA-RATA pelukis memiliki imej tersendiri yang terpancar melalui hasil karya mereka. Ada yang memilih objek tidak bernyawa sebagai pilihan imej. Ada juga yang memilih objek bernyawa sebagai bahan ilustrasi yang membawa pelbagai mesej melalui sentuhan yang lahir daripada sanubari mereka.

Bagi Yusof Gajah Ismail, 49, beliau memilih gajah sebagai imej pada setiap lukisannya. Haiwan berkenaan pada kebanyakan orang mungkin tidak membawa sebarang erti. Bagi mereka, gajah hanyalah haiwan terbesar yang tidak mempunyai apa-apa keistimewaan.

Namun, bagi Yusof Gajah, haiwan bersifat gagah itu dipilihnya sebagai imej yang diaplikasikan dalam lukisannya yang bukan setakat bagi menggambarkan keadaan realiti, malah yang bersifat abstrak.

Bagi Yusof Gajah, beliau memilih imej tersendiri bagi membezakan antara karyanya dengan karya pelukis lain. Baginya, haiwan berkenaan memiliki keistimewaan tersendiri, sama dengan pelukis lain yang memilih imej masing-masing.

Bekas pelajar Sekolah Seni Rupa, Yogyakarta Indonesia setakat ini sudah menghasilkan beribu-ribu lukisan yang tidak pernah lari daripada mengetengahkan imej gajah sejak berkarya 30 tahun lalu.

Kebanyakan karyanya itu dihasilkan menggunakan 'acrylic,' cat air, cat minyak dan tanah liat.

"Seperti beras, ia boleh dijadikan nasi atau bubur atau ketupat. Begitu juga dengan gajah. Ia boleh dijadikan subjek untuk pemandangan, abstrak, abjad a,b,c dan seumpamanya.

"Gajah dalam setiap lukisan saya menceritakan pelbagai kisah. Ada yang menggambarkan gajah sebenar dan ada juga yang melambangkan objek lain. Contohnya, ikan yang mengeluarkan buih.

"Yang keluar daripada mulut ikan itu bukan buih tetapi gajah kecil berderet-deretan. Gajah dalam lukisan saya juga boleh berfungsi sebagai objek lain seperti manusia atau hidupan lain," katanya.

Dengan imej gajah, Yusof Gajah setakat ini berjaya menganjurkan pameran lukisan secara solo di 10 tempat di luar negara seperti di Jepun dan Eropah.

Ternyata hasil karyanya itu menarik minat masyarakat asing yang terpesona dengan daya imaginasi beliau melahirkan pandangan atau perasaan melalui lukisan berimejkan gajah.

Selain pameran solo, anak kelahiran Negeri Sembilan itu juga tidak ketinggalan daripada menyertai pameran lukisan bersama pelukis lain. Yang terbaru ialah pameran 'Imajan dan Suara Kemerdekaan' anjuran bersama Malayan Banking Bhd (Maybank) dan Anugerah Gallery Sdn Bhd di Dataran Maybank, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Yusof Gajah menyediakan dua lukisan berimejkan gajah manakala anaknya, Abdul Aziz, 18, yang mewarisi bakatnya menghasilkan lukisan, berimejkan mata.

Jika Yusof Gajah memilih gajah, Abdul Aziz yang lebih dikenali sebagai 'Jojo' memilih sepasang mata sebagai imej tersendiri dalam setiap penghasilan karyanya.

Ini kerana, bagi Jojo, beliau juga perlu memilih imej tersendiri seperti pelukis lain. Dengan imej inilah, Jojo yang pernah menghasilkan lukisan bernilai RM8,000 pada usia 14 tahun, menjelmakan penceritaan mengenai pelbagai perkara yang diamati di sekelilingnya.

Seramai 107 pelukis mengambil bahagian dalam pameran berkenaan yang

dirasmikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada malam 6 Ogos lalu.

Pameran bertemakan perjuangan menuntut kemerdekaan yang diselitkan dengan puisi kemerdekaan itu bertujuan meningkatkan semangat patriotisme di kalangan anggota masyarakat, selain menghayati seni lukisan.

Hasil penjualan lukisan dalam pameran itu, sebahagiannya akan disumbangkan kepada Tabung Rayuan Hari Pahlawan. Namun, bagi Yusof Gajah, beliau akan mendermakan keseluruhan jualan dua lukisannya kepada tabung berkenaan.